



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA

PROFIL FASILITI

JABATAN KESIHATAN

WILAYAH PERSEKUTUAN

KUALA LUMPUR DAN

PUTRAJAYA

2024

ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan	1
Kata Aluan Pengarah Kesihatan Negeri JKWPKL&P	2
Sidang Editorial	3
Visi dan Misi JKWPKL&P	4
Latar belakang JKWPKL&P	5
Bahagian Kesihatan Awam	8
Bahagian Perubatan	9
Bahagian Pengurusan	10
Bahagian Perkhidmatan Farmasi	11
Bahagian Kesihatan Pergigian	12
Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan	13
Fasiliti: Hospital	14
Hospital Putrajaya	15
Hospital Rehabilitasi Cheras	18
Fasiliti: Pejabat Kesihatan	21
Pejabat Kesihatan Kepong	22
Pejabat Kesihatan Titiwangsa	23
Pejabat Kesihatan Cheras	24
Pejabat Kesihatan Lembah Pantai	25
Pejabat Kesihatan Putrajaya	26
Fasiliti: Klinik	
Klinik Kesihatan	27
Klinik Kesihatan Ibu dan Anak	51
Klinik Komuniti	54
Klinik Pergigian	61
Senarai Fasiliti	77
Penghargaan	88

KATA ALUAN

PENGARAH KESIHATAN NEGERI

ASSALAMUALAIKUM DAN SALAM SEJAHTERA



Saya amat bersyukur kerana Profil Fasiliti Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (JKWPKL&P) 2024 telah berjaya dihasilkan. Syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan dokumen ini terutamanya Unit Perkhidmatan Klinikal, Cawangan Perkembangan Perkhidmatan Perubatan, Bahagian Perubatan, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (JKWPKL&P) di bawah Dr. Mohd Fikri Rosely.

Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan perubatan dan kesihatan kepada penduduk Kuala Lumpur dan Putrajaya. Seajar dengan matlamat tersebut, sejumlah 73 fasiliti berada di bawah payung Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Ia terdiri daripada 2 hospital (Hospital Putrajaya dan Hospital Rehabilitasi Cheras), 22 Klinik Kesihatan (termasuk 2 Klinik Kesihatan UTC), 5 Klinik Kesihatan Ibu dan Anak, 18 Klinik Komuniti, 20 Klinik Pergigian, 5 Pejabat Kesihatan (PK Titiwangsa, PK Kepong, PK Cheras, PK Lembah Pantai dan PK Putrajaya) dan Pejabat JKWPKL&P yang terletak di Jalan Cenderasari Kuala Lumpur.

Profil Fasiliti bagi JKWPKL&P adalah penting sebagai sumber rujukan berkenaan sejarah pembangunan fasiliti, perkembangan penyampaian perkhidmatan dan kepakaran, pertambahan sumber manusia, dan kemajuan pencapaian perkhidmatan setiap fasiliti kesihatan. Semua maklumat ini dihimpunkan dalam dokumen ringkas dan padat bagi memudahkan semua pihak mendapatkan maklumat.

Saya berharap agar dokumen Profil Fasiliti Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya ini dapat menjadi rujukan bagi sebarang urusan melibatkan semua fasiliti dibawah JKWPKL&P di masa akan datang.



DR. NOR'AISHAH BINTI ABU BAKAR

Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Pengaruh Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur dan Putrajaya



SIDANG EDITORIAL

DR. NOR'AISHAH BINTI

ABU BAKAR

PENGARAH KESIHATAN NEGERI
JABATAN KESIHATAN WILAYAH
PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN
PUTRAJAYA (JKWPKL&P)

DR MUHAMMAD YUSOF

SIBERT

TIMBALAN PENGARAH KESIHATAN
NEGERI (PERUBATAN) JKWPKL&P

DR MOHD FIKRI ROSELY

PAKAR PERUBATAN KESIHATAN AWAM UD54
BAHAGIAN PERUBATAN JKWPKL&P

DR. FARAH IZZATI BINTI

ZULKAFI

KETUA PENOLONG PENGARAH KANAN UD52
BAHAGIAN PERUBATAN JKWPKL&P

DR. NOR SYAKIRAH BINTI

YAHYA

KETUA PENOLONG PENGARAH UD48
BAHAGIAN PERUBATAN JKWPKL&P

DR. FARIHAH AZWA BINTI

PAIDIN

KETUA PENOLONG PENGARAH UD48
BAHAGIAN PERUBATAN JKWPKL&P

DR. NAZATUL AFIRA BINTI

AFANDI

KETUA PENOLONG PENGARAH UD43
BAHAGIAN PERUBATAN JKWPKL&P

CIK NURUL FARAH AZREEN

BINTI ABDUL GHANI

PERSONEL *MYSTEP*
BAHAGIAN PERUBATAN JKWPKL&P



VISI & MISI

Visi

“Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya Mengembleng Tenaga Ke Arah Kesihatan Yang Lebih Baik.”

Misi

Misi JKWPKL&P adalah untuk menerajui dan berusaha bersama-sama:

i. Untuk membolehkan dan memudahkan penduduk Kuala Lumpur dan Putrajaya

- Mencapai sepenuhnya potensi mereka dalam kesihatan.
- Menghargai kesihatan sebagai aset paling berharga.
- Mengambil tanggungjawab dan tindakan positif demi kesihatan mereka.

ii. Untuk memastikan sistem kesihatan berkualiti tinggi, iaitu

- Mengutamakan pelanggan
- Boleh disesuaikan mengikut persekitaran
- Inovatif
- Tidak membebankan
- Wajar mengikut teknologi
- Saksama
- Cepak

iii. Dengan menekankan

- Sifat penyayang, profesionalisme dan kerja berpasukan.
- Sifat menghormati maruah insan.
- Penglibatan masyarakat.

LATAR BELAKANG

JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA

Pada Jun 2001, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (JKWPKL&P) ditubuhkan secara tidak rasmi dan memulakan operasi di Jalan Dungun, Damansara Heights di Kuala Lumpur. Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya kemudian berpindah ke Blok E, Bangunan Kesihatan, Jalan Cenderasari di Kuala Lumpur. Mula beroperasi pada 1 Januari 2002 dan berpindah ke Blok D, Kompleks Pejabat-Pejabat Kesihatan, Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur. Perpindahan ini melibatkan Bahagian Perubatan, Bahagian Pengurusan, Bahagian Kesihatan Awam dan Bahagian Perkhidmatan Farmasi. Walau bagaimanapun, Bahagian Kesihatan Pergigian kekal beroperasi di Bangunan Cahaya Suria, Jalan Tun Perak di Kuala Lumpur. Pada 16 Mac 2006, Bahagian Kesihatan Pergigian turut berpindah ke Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur.



KAWASAN SELIAAN JKWPKL & P

WP KUALA LUMPUR : 243.65KM²

WP PUTRAJAYA : 49.32KM²



LUAS KAWASAN DAN BILANGAN PENDUDUK MENGIKUT KAWASAN PARLIMEN

P.114 Kepong

Luas : 12km²
Jumlah Penduduk :
106,199
Kepadatan : 8,850/km²

P.115 Batu

Luas : 20km²
Jumlah Penduduk :
219,132
Kepadatan : 10,957/km²

P.116 Wangsa Maju

Luas : 16km²
Jumlah Penduduk :
215,600
Kepadatan : 13,475/km²

P.117 Segambut

Luas : 51km²
Jumlah Penduduk :
235,715
Kepadatan : 4,975/km²

P.118 Setjawangsa

Luas : 16km²
Jumlah Penduduk :
147,095
Kepadatan : 9,193/km²

P.124 Bandar Tun Razak

Luas : 25km²
Jumlah Penduduk :
191,318
Kepadatan : 7,653/km²

P.125 Putrajaya

Luas : 49 km²
Jumlah Penduduk :
109,202
Kepadatan : 2,229 /km²

P.119 Titiwangsa

Luas : 15km²
Jumlah Penduduk :
122,096
Kepadatan : 8,140/km²

P.120 Bukit Bintang

Luas : 21km²
Jumlah Penduduk :
120,529
Kepadatan : 5,739/km²

P.121 Lembah Pantai

Luas : 20km²
Jumlah Penduduk :
148,094
Kepadatan : 7,405/km²

P.122 Seputeh

Luas : 31km²
Jumlah Penduduk :
322,511
Kepadatan : 10,404/km²

P.123 Cheras

Luas : 16km²
Jumlah Penduduk :
135,823
Kepadatan : 8,489/km²




Jumlah Penduduk WPKL
1,982,112
Luas : 243km²
Kepadatan : 8,157/km²

Jumlah Penduduk WP
Putrajaya 109,202
Luas : 49km²
Kepadatan : 2,229/km²


Sumber data :
Jabatan Perangkaan
Malaysia



BAHAGIAN-BAHAGIAN DI JKWPKL&P




FASILITI KESIHATAN SELIAAN LANGSUNG JKWPKL&P





Bahagian Kesihatan Awam di JKWPKL&P telah ditubuhkan pada hujung tahun 2001 dan mula beroperasi pada awal tahun 2002. Bahagian ini ditubuhkan untuk memastikan aktiviti penyampaian perkhidmatan kesihatan awam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya berjalan dengan lancar dan mencapai sasaran yang ditetapkan. Fungsi Bahagian ini adalah menyediakan perkhidmatan pencegahan, promotif, kuratif dan rehabilitatif secara bersepadu di peringkat perkhidmatan kesihatan primer di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Tambahan lagi, Bahagian ini bertanggungjawab membantu individu dan komuniti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya mencapai dan mengekalkan tahap kesihatan yang optimum melalui penyediaan penjagaan kesihatan asas dan pemupukan amalan kesihatan.

Carta Organisasi



JUMLAH PERUNTUKAN DITERIMA

Jumlah Peruntukan



*2024 : Maklumat berdasarkan Vot Sept. 2024

JUMLAH ANGGOTA


175 orang





Bahagian Perubatan JKWPKL&P telah ditubuhkan pada hujung tahun 2001 dan mula beroperasi pada awal tahun 2002. Fungsi Bahagian ini ditubuhkan adalah untuk menyelaraskan pentadbiran Hospital Putrajaya dan Hospital Rehabilitasi Cheras serta memastikan perkhidmatan perubatan serta pelbagai aktiviti berkaitan pengurusan program perubatan, kejururawatan dan penyeliaan hospital berjalan dengan lancar dan mengikut sasaran yang ditetapkan.

Carta Organisasi



JUMLAH PERUNTUKAN DITERIMA

JUMLAH ANGGOTA

57 orang




*2024 : Maklumat berdasarkan Mot Sept. 2024



Bahagian Pengurusan telah ditubuhkan pada hujung tahun 2001 dan mula beroperasi pada awal tahun 2002. Fungsi Bahagian ditubuhkan adalah untuk merancang dan mengurus pengurusan sumber manusia, kewangan, pembangunan, ICT, perkhidmatan kaunseling dan hal-hal pentadbiran di JKWPKL&P secara cekap, teratur dan berkesan mengikut peraturan yang telah ditetapkan bagi menyokong jabatan dalam menjalankan fungsinya.

Carta Organisasi



JUMLAH PERUNTUKAN DITERIMA



JUMLAH ANGGOTA

110 orang



Jumlah Peruntukan




*2024 : Maklumat berdasarkan Vot Sept. 2024



Bahagian Farmasi di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (JKWPKL&P) ditubuhkan pada tahun 2001 berperanan untuk menyelaraskan aktiviti Farmasi meliputi pengurusan, perancangan aktiviti, pembangunan, sumber dan penguatkuasaan farmasi. Bahagian ini juga memastikan perkhidmatan dan bekalan ubat-ubatan berkualiti dan mencukupi untuk memenuhi keperluan semua fasiliti di bawah JKWPKL & P.

Carta Organisasi



JUMLAH PERUNTUKAN DITERIMA



JUMLAH ANGGOTA

88 orang




*2024 : Maklumat berdasarkan Vot Sept. 2024



Perkhidmatan pergigian kerajaan di Kuala Lumpur telah mula beroperasi sejak tahun 1929 lagi. Selepas kemerdekaan, perkhidmatan ini berada dibawah pentadbiran Jabatan Kesihatan Negeri Selangor. Pada tahun 1974, setelah penubuhan Wilayah Persekutuan, pentadbiran perkhidmatan pergigian dipindahkan ke bawah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pada tahun 1978, ia dikenali sebagai Jabatan Perkhidmatan Pergigian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Bahagian Kesihatan Pergigian. Mulai 1 Januari 2001, perkhidmatan ini beroperasi di bawah pentadbiran JKWPKL&P yang diketuai oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Bahagian Kesihatan Pergigian di Bangunan Cahaya Suria. Pada 16 Mac 2006, Bahagian ini telah berpindah ke JKWPKL&P Jalan Cenderasari, dan berperanan sebagai PTJ bagi perkhidmatan pergigian seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya. Bahagian Kesihatan Pergigian JKWPKL & P mengendalikan 20 klinik pergigian dan 2 klinik kepakaran di hospital iaitu Klinik Pakar Bedah Mulut & Maksilofasial di Hospital Putrajaya dan Unit Pergigian Penjagaan Khas, Hospital Rehabilitasi Cheras.

Carta Organisasi



JUMLAH PERUNTUKAN DITERIMA



JUMLAH ANGGOTA

37 orang



*2024 : Maklumat berdasarkan Vot Sept. 2024






S Govindasamy A/L G Subramaniam

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Keselamatan dan Kualiti Makanan)

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) telah dinaik taraf sebagai program baru di KKM pada 1 Julai 2010. Sehubungan itu, Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan (UKKM) JKWPKL&P yang beroperasi sejak tahun 2001 di bawah Bahagian Kesihatan Awam, mula berfungsi sebagai Bahagian pada tahun 2011 dengan satu UKKM di Pejabat Kesihatan Putrajaya. Pada tahun 2012, rentetan kelulusan (4) pejabat Kesihatan (PK) di JKWPKL&P, UKKM ditubuhkan dan ini menjadikan lima (5) UKKM beroperasi di JKWPKL&P. Fungsi Bahagian ini melindungi orang ramai khususnya penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya terhadap bahaya dari segi kesihatan dan penipuan pada penyediaan, penjualan dan penggunaan makanan serta mempermudah perdagangan makanan.

Carta Organisasi



JUMLAH PERUNTUKAN DITERIMA



JUMLAH ANGGOTA

24 orang



*2024 : Maklumat berdasarkan Vot Sept. 2024



Hospital-Hospital **DI BAWAH JKWPKL&P**



HOSPITAL PUTRAJAYA



Kawasan di bawah pemantauan Hospital Putrajaya

Hospital Putrajaya telah dibina pada tahun 1998 dan mula beroperasi pada 1 November 2000. Pada asalnya Hospital Putrajaya hanya mempunyai 278 buah katil dan berfungsi sebagai hospital daerah. Pada masa kini, Hospital Putrajaya telah berkembang sebagai fasiliti kesihatan tertiar. Hospital Putrajaya telah meluaskan beberapa skop perkhidmatannya ke luar dari premis hospital. Ini termasuk Pusat Komuniti Kesihatan Mental (MENTARI) di Presint 11 dan Pusat Bersalin Berisiko Rendah (PBBR) di Presint 8. Hospital Putrajaya merupakan hospital di Malaysia yang dilengkapi dengan *Total Hospital Information System (THIS)* sejak penubuhan hospital. Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh (FPP), diperkenalkan pada tahun 2007, membolehkan pesakit mendapat rawatan daripada pakar perubatan pilihan serta mendapat beberapa kemudahan lain bergantung kepada sumber, bidang kepakaran dan kemudahan sedia ada di Hospital Putrajaya.





1,788

JUMLAH ANGGOTA

*Bilangan anggota Hospital Putrajaya dan PBBR




KADAR PENGGUNAAN KATIL 2019 HINGGA 2023 (%)




552

JUMLAH KATIL

JUMLAH KEDATANGAN PESAKIT LUAR PADA TAHUN 2019 HINGGA 2023




JUMLAH KEMASUKAN PESAKIT DALAM PADA TAHUN 2019 HINGGA 2023



INSTITUT ENDOKRIN, HOSPITAL PUTRAJAYA (IEHPJ)



Institut Endokrin, Hospital Putrajaya telah siap dibina pada 15 Januari 2020 bersebelahan Hospital Putrajaya di Presint 7 dan mula beroperasi sejak Jun 2022 secara berperingkat. Pembinaan Institut Endokrin Hospital Putrajaya ini selaras dengan keperluan semasa untuk mewujudkan pengurusan atau pendekatan pelbagai disiplin dalam bidang endokrinologi. Institut Endokrin, Hospital Putrajaya ini merupakan pusat rujukan pesakit endokrin dewasa dan kanak-kanak, dan Pembedahan Endokrin. Perkhidmatan Pembedahan Neuro juga ditawarkan di IE,HPJ disamping perkembangan perkhidmatan lain.



Lokasi Institut Endokrin, Hospital Putrajaya



856


JUMLAH ANGGOTA



HOSPITAL REHABILITASI CHERAS



Hospital Rehabilitasi Cheras dibina di tapak asal Hospital Lady Templer. Hospital Lady Templer telah dibina pada tahun 1952 dan perletakan batu asasnya telah disempurnakan oleh Duchess of Kent. Pembinaan Hospital Rehabilitasi Cheras dimulakan pada akhir tahun 2008 dan mengambil masa hampir tiga tahun untuk disiapkan. Hospital Rehabilitasi Cheras merupakan inisiatif Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dengan kos keseluruhan berjumlah RM342 juta. Hospital ini mula beroperasi pada tahun 2012, menyediakan perkhidmatan rehabilitasi untuk pesakit dalam dan pesakit luar. Hospital ini mempunyai 6 wad dengan kapasiti sebanyak 166 buah katil dan boleh diperluaskan sehingga 300 katil jika terdapat keperluan pada masa akan datang.



Lokasi Hospital Rehabilitasi Cheras




776


JUMLAH ANGGOTA




Perkhidmatan yang ditawarkan adalah seperti berikut:-



Hospital Rehabilitasi Cheras turut mewujudkan perkhidmatan khas seperti berikut:-




KADAR PENGGUNAAN KATIL (BOR) PADA TAHUN 2019 HINGGA 2023 (%)




132

JUMLAH BILANGAN KATIL




*74.9% : Peningkatan Jumlah kemasukan pesakit dalam meningkat dengan drastik pada tahun 2021 berikutan kemasukan pesakit COVID-19



JUMLAH KEDATANGAN PESAKIT LUAR BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2023

JUMLAH KEMASUKAN PESAKIT DALAM BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2023





Pejabat-Pejabat **KESIHATAN DI BAWAH JKWPKL&P**

1) Pejabat Kesihatan Kepong



Pejabat Kesihatan Kepong mula beroperasi pada bulan Mac tahun 2012 diatas tapak bangunan lama Klinik Kesihatan Jinjang. Pejabat ini dinaiktaraf kepada status Pusat Tanggungjawab (PTJ) pada April 2016. Kawasan yang diselia iaitu Zon Parlimen Kepong, Parlimen Batu dan Parlimen Segambut dengan populasi seramai 538,000 orang.

JUMLAH ANGGOTA

92 orang



KLINIK KESIHATAN, KLINIK KOMUNITI DAN KLINIK KESIHATAN IBU DAN ANAK DIBAWAH SELIAAN PK KEPONG




2) Pejabat Kesihatan Titiwangsa



Pejabat Kesihatan Titiwangsa telah ditubuhkan pada tahun 2012 dan beroperasi di Jalan Ipoh sebelum berpindah ke Jalan Raja Abdullah, Kampung Baru pada tahun 2017. Selepas itu, Pejabat Kesihatan Titiwangsa berpindah ke Jalan Cenderasari, pada tahun 2021. Kawasan yang diselia iaitu Parlimen Titiwangsa, Parlimen Setiawangsa dan Parlimen Wangsa Maju dengan populasi seramai 440,900 orang.

JUMLAH ANGGOTA

83 orang



KLINIK KESIHATAN, KLINIK KOMUNITI DAN KLINIK KESIHATAN IBU DAN ANAK
DIBAWAH SELIAAN PK TITIWANGSA



3) Pejabat Kesihatan Cheras

Ditubuhkan pada 2 Julai 2012 dibawah seliaan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Pada tahun 2015, Pejabat Kesihatan Cheras mula beroperasi di bangunan baru dibina di Jalan Yaacob Latif. Terletak di aras tiga dan merangkumi Unit Pentadbiran dan Unit Inspektorat. Kawasan seliaan adalah Parlimen Cheras dan Parlimen Bandar Tun Razak dengan populasi seramai 468,000 orang.



JUMLAH ANGGOTA

95 orang



KLINIK KESIHATAN, KLINIK KOMUNITI DAN KLINIK KESIHATAN IBU DAN ANAK DIBAWAH SELIAAN PK CHERAS




4) Pejabat Kesihatan Lembah Pantai

Pejabat Kesihatan Lembah Pantai telah ditubuhkan pada tahun 2012. Kawasan yang diselia adalah Parlimen Seputeh, Parlimen Bukit Bintang dan Parlimen Lembah Pantai dengan populasi seramai 454,700 orang.



JUMLAH ANGGOTA

93 orang



KLINIK KESIHATAN, KLINIK KOMUNITI DAN KLINIK KESIHATAN IBU DAN ANAK
DIBAWAH SELIAAN PK LEMBAH PANTAI




5)Pejabat Kesihatan Putrajaya

Pejabat Kesihatan Putrajaya mula ditubuhkan pada 1 Januari 2001. Pejabat ini memainkan peranan penting sebagai sebuah Pejabat Kesihatan yang melaksanakan aktiviti-aktiviti kesihatan awam yang komprehensif termasuk tugas-tugas pencegahan, promosi kesihatan, penguatkuasaan undang-undang kesihatan sehingga tugas-tugas rehabilitasi kepada pelanggan. Kawasan yang diselia adalah Parlimen Putrajaya dengan populasi seramai 123,512 orang.



JUMLAH ANGGOTA

185 orang



KLINIK KESIHATAN, KLINIK KOMUNITI DAN KLINIK KESIHATAN IBU DAN ANAK
DIBAWAH SELIAAN PK PUTRAJAYA



Klinik Kesihatan

DI BAWAH

JKWPKL&P



Klasifikasi Klinik Kesehatan

JENIS KLINIK KESIHATAN	BIL. PURATA KEDATANGAN SEHARI
JENIS 1	>800
JENIS 2	500 - 800
JENIS 3	300 - 500
JENIS 4	150 - 300
JENIS 5	100 - 150
JENIS 6	50 - 100
JENIS 7	< 50



Klinik Kesihatan Dibawah JKWPKL&P

1) Klinik Kesihatan Cheras

Pada bulan Mei 1998, Klinik Kesihatan Cheras telah mula beroperasi di Jabatan Pesakit Luar, Hospital Kuala Lumpur. Pada Januari 2002, Klinik Kesihatan Cheras telah berpindah ke Poliklinik Kerajaan Cheras di Hospital Lady Templer dibawah pengurusan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Pada tahun 2007, Klinik Kesihatan Cheras telah berpindah ke Bangunan PGRM untuk memberi laluan kepada pembinaan bangunan baru Pejabat dan Klinik Kesihatan Cheras. Pada Julai 2012, Klinik Kesihatan Cheras mula beroperasi di bangunan Pejabat Kesihatan Cheras di Jalan Yaacob Latif. Purata bilangan pesakit harian adalah seramai 920 pesakit.



JUMLAH ANGGOTA

169 orang



JENIS KLINIK KESIHATAN

JENIS 2



2) Klinik Kesihatan Cheras Baru



Klinik Kesihatan Cheras Baru mula beroperasi pada Jun 1977 dibawah pengurusan Jabatan Pesakit Luar Hospital Kuala Lumpur menggunakan nama Poliklinik Kerajaan Cheras Baru. Pada Januari 2022, klinik ini diambil alih oleh Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Purata bilangan pesakit harian adalah seramai 256 pesakit.


JENIS KLINIK KESIHATAN

JENIS 3



JUMLAH ANGGOTA

92 orang



3) Klinik Kesihatan Bandar Tun Razak

Pada Mei 1983, Klinik ini dikenali sebagai Poliklinik Kerajaan Bandar Tun Razak dibawah pengurusan Jabatan Pesakit Luar (OPD) Hospital Kuala Lumpur. Diambil alih oleh Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya pada Januari 2002. Purata bilangan pesakit harian adalah seramai 138 orang pesakit.




JENIS KLINIK KESIHATAN

JENIS 3



JUMLAH ANGGOTA

84 orang



4) Klinik Kesihatan Sungai Besi



Klinik ini mula beroperasi sejak tahun 1939 di mana merupakan klinik lama di Pekan Sungai Besi. Pada 7 Januari 2013, klinik ini berpindah ke premis baru di Medan Niaga Tasik Utama dan mula beroperasi pada 14 Januari 2013. Pada peringkat awal, klinik ini hanya menawarkan perkhidmatan Unit Pesakit Luar. Pada 2 Januari 2014, Unit Klinik Kesihatan Ibu dan Anak mula beroperasi di Tingkat 1 bangunan yang sama. Klinik ini menerima purata 241 pesakit setiap hari.


JENIS KLINIK KESIHATAN

JENIS 3



JUMLAH ANGGOTA

71 orang



5) Klinik Kesihatan Salak Selatan

Klinik ini pada awalnya berfungsi sebagai rumah bidan kerajaan dibawah pengurusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, menyediakan perkhidmatan kesihatan Ibu dan Anak beroperasi seminggu sekali sebagai klinik bergerak. Pada 29 Ogos 2008, ia diserahkan kepada Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKWPKL&P) dan dijadikan Klinik Kesihatan Ibu Dan Anak. Pada 7 November 2016, ia telah menjadi K1M dan KKIA dengan KK Sg Besi sebagai KK Induk. Pada 2 Januari 2020, klinik dinaik taraf sebagai Klinik Kesihatan. Klinik ini menerima purata 123 pesakit setiap hari.



JENIS KLINIK KESIHATAN

JENIS 4



JUMLAH ANGGOTA

34 orang



6) Klinik Kesihatan Jinjang



Klinik Kesihatan Jinjang mula dibina pada tahun 2002 dan siap sepenuhnya pada April 2006. Klinik ini mula beroperasi pada 2 Mei 2006. Dibina diatas keluasan tapak seluas 3 hektar dan bangunan klinik berkeluasan 5405 meter persegi. Bilangan populasi dibawah liputan fasiliti adalah seramai 77,156 orang dengan purata bilangan pesakit harian seramai 649 orang.

JENIS KLINIK KESIHATAN

JENIS 1



JUMLAH ANGGOTA

177 orang



7) Klinik Kesihatan Batu Muda

Klinik ini mula dibuka pada tahun 1970 dengan nama Poliklinik Batu dan telah beroperasi selama lebih 44 tahun di premis kedai 3 tingkat di bangunan Lot 98, Batu 4 ½, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur. Unit Kesihatan Ibu dan Anak mula beroperasi pada Jun 2010. Pada Oktober 2020, klinik ini berpindah ke bangunan baharu dan mula beroperasi sepenuhnya pada 2 November 2020. Klinik ini terletak di atas tapak seluas 3 hektar dengan keluasan klinik 5,405 meter persegi. Bilangan populasi dibawah liputan fasiliti adalah seramai 90,000 orang dengan purata bilangan pesakit adalah seramai 459 orang.



JENIS KLINIK KESIHATAN

JENIS 2



JUMLAH ANGGOTA

142 orang



8) Klinik Kesihatan Sentul



Mula beroperasi sejak tahun 1972 di bawah pentadbiran Hospital Kuala Lumpur. Terletak di premis kedai 2 tingkat di Lot 189A, Jalan Haji Salleh, 51100 Sentul, Kuala Lumpur. Klinik ini berpindah ke Mini Urban Transformasi Center (UTC) pada November 2009. Pada 1 Januari 2010, pengurusan klinik ini telah diambil alih oleh Kementerian Kesihatan Malaysia di bawah seliaan JKWPKL&P. Bilangan populasi dibawah liputan fasiliti adalah seramai 91,173 orang dengan purata bilangan pesakit harian adalah seramai 335 orang.

JENIS KLINIK KESIHATAN

JENIS 3



JUMLAH ANGGOTA

88 orang



9) Klinik Kesihatan Segambut

Klinik ini pada asalnya merupakan sebuah dewan yang terletak di Lot 13725, Segambut Tengah dimiliki oleh sebuah parti. Ia kemudiannya dijadikan rumah bidan di bawah Pejabat Kesihatan Gombak. Pada 10 Ogos 2009, klinik ini mula beroperasi sebagai Klinik Kesihatan Ibu dan Anak setelah diambil alih oleh JKWPKL. Pada tahun 2013, bangunan ini telah diubah suai dan dijadikan Klinik 1 Malaysia. Enam tahun kemudian, ia dinaik taraf kepada Klinik Kesihatan Segambut. Bilangan populasi dibawah liputan fasiliti adalah seramai 75,977 orang dengan purata bilangan pesakit harian seramai 184 orang.




JENIS KLINIK KESIHATAN

JENIS 6



JUMLAH ANGGOTA

40 orang



10) Klinik Kesihatan Tanglin



Klinik Kesihatan Tanglin dibina sekitar 1890-an sebelum kemerdekaan. Mula dikenali sebagai Hospital Tanglin, salah satu hospital terawal di Malaya. Kini, setelah lebih 130 tahun, fasiliti ini telah berubah fungsi menjadi sebuah klinik kesihatan. Pada tahun 2003, penjenamaan dari Poliklinik kepada Klinik Kesihatan Tanglin. Bilangan populasi dibawah liputan fasiliti adalah seramai 139,379 orang dengan purata bilangan pesakit harian adalah seramai 552 orang pesakit.


JENIS KLINIK KESIHATAN

JENIS 2



JUMLAH ANGGOTA

159 orang



11) Klinik Kesihatan Petaling Bahagia

Klinik Kesihatan dan Pergigian Petaling Bahagia (KKPB) beroperasi secara rasminya pada 4 Jun 1977. Merupakan sebuah klinik kesihatan kerajaan di kawasan bandar yang terletak di Batu 6, Jalan Puchong, Kuala Lumpur. Bilangan populasi dibawah liputan fasiliti adalah seramai 122,786 orang dengan purata bilangan pesakit harian adalah seramai 510 orang pesakit.





JENIS KLINIK KESIHATAN

JENIS 3



JUMLAH ANGGOTA

74 orang



12) Klinik Kesihatan Muhibbah



Pada tahun 2016, klinik ini beroperasi sebagai klinik komuniti dan perkhidmatan ibu dan anak. Klinik ini dinaik taraf kepada Klinik Kesihatan Muhibbah pada Januari 2020. Klinik ini terletak di Kompleks Komuniti Muhibbah iaitu berdekatan dengan PPR Kg Muhibbah. Bilangan populasi dibawah liputan fasiliti adalah seramai 69,689 orang. Purata bilangan pesakit harian adalah seramai 254 orang pesakit.

JENIS KLINIK KESIHATAN

JENIS 6



JUMLAH ANGGOTA

19 orang



13) Klinik Kesihatan UTC Pudu Sentral

Pada tahun 2012, Klinik Kesihatan UTC Pudu Sentral dikenali sebagai Klinik 1 Malaysia. Pada tahun 2017 pula penjenamaan kepada Klinik Kesihatan UTC oleh Kementerian Kewangan (MOF). Purata bilangan pesakit harian adalah seramai 26 orang pesakit.




JENIS KLINIK KESIHATAN

JENIS 6



JUMLAH ANGGOTA

7 orang



14) Klinik Kesihatan Kuala Lumpur



Klinik ini mula beroperasi pada 3 April 2017, merupakan sebuah Klinik Kesihatan yang terbesar di Malaysia. Premis kesihatan ini adalah menggantikan Unit Pesakit Luar Hospital Kuala Lumpur. Klinik Ibu Anak Jalan Raja Laut juga berpindah ke klinik ini. Klinik Kesihatan Kuala Lumpur mampu menampung pelanggan sehingga 3,500 orang sehari dan mempunyai semua jenis perkhidmatan *Primary Care* bagi kawasan berdekatan. Terletak di sebuah tanah berkeluasan 4.5 Hektar. Bilangan populasi dibawah liputan fasiliti adalah seramai 400,000 orang dengan purata bilangan pesakit harian adalah seramai 819 orang.


JENIS KLINIK KESIHATAN

SUPER JENIS 1



JUMLAH ANGGOTA

391 orang



15) Klinik Kesihatan Setapak

Klinik Kesihatan Setapak ditubuhkan pada tahun 2004 di tapak asalnya di Jalan Genting Klang, Kuala Lumpur. Pada peringkat awal penubuhannya, urusan pentadbiran klinik diletakkan dibawah Jabatan Pesakit Luar, Hospital Kuala Lumpur. Ia kemudiannya dipindahkan di bawah pentadbiran Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Semenjak penubuhannya, klinik ini telah berpindah sebanyak dua kali, iaitu ke premis di Jalan Usahawan dan sekarang di premis Wisma Rampai. Bilangan populasi dibawah liputan fasiliti adalah seramai 300,000 orang dengan purata bilangan pesakit harian adalah seramai 390 orang.




JENIS KLINIK KESIHATAN

JENIS 3



JUMLAH ANGGOTA

119 orang



16) Klinik Kesihatan Dato' Keramat



Klinik Kesihatan Dato Keramat mula beroperasi pada tahun 1970an dan pada masa itu diberi nama Poliklinik Dato Keramat/ Klinik Anika Dato' Keramat. Bangunan klinik berbentuk jenis Arau, dibina pada tahun 1970an. Terdapat 2 blok bangunan di mana salah satu daripadanya adalah Klinik Pergigian Dato' Keramat. Kedua-dua klinik ini adalah di bawah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Bilangan populasi dibawah liputan fasiliti adalah seramai 200,000 orang populasi meliputi 2 buah kawasan Parlimen iaitu Setiawangsa dan Wangsa Maju. Purata bilangan pesakit harian adalah seramai 228 orang.


JENIS KLINIK KESIHATAN

JENIS 3



JUMLAH ANGGOTA

56 orang



17) Klinik Kesihatan Kampung Pandan



Klinik Kesihatan Kampung Pandan ditubuhkan pada tahun 1950. Klinik ini memberi perkhidmatan kepada penduduk kawasan Kg Pandan dan sekitar pada masa itu (populasi 20 000) sebagai Klinik Desa. Klinik ini bermula sebagai Klinik Kesihatan pada tahun 1970 dengan menambah kemudahan lain Klinik Ibu dan Anak Kg Pandan. Terletak dalam kawasan berbentuk segi tiga dalam keluasan 0.5 hektar di persimpangan Jalan Kampung Pandan dan Jalan Belangkas. Bilangan populasi dibawah liputan fasiliti adalah seramai 150,000 orang dengan purata bilangan pesakit harian adalah seramai 337 orang.

JENIS KLINIK KESIHATAN

JENIS 3



JUMLAH ANGGOTA

81 orang



18) Klinik Kesihatan UTC Keramat Mall

Klinik Kesihatan UTC mall ditubuhkan pada tahun 2014 sebagai Klinik Ibu & Anak UTC Keramat Mall. Namun, selepas 6 bulan beroperasi, hasil perbincangan peringkat atasan, klinik ini digabungkan dengan klinik komuniti (KKOM) dan diperluas untuk menyediakan perkhidmatan Unit Pesakit Luar. Klinik ini kemudian diberi nama Klinik Kesihatan UTC Keramat Mall. Klinik ini menyediakan perkhidmatan pesakit luar, ibu dan anak serta farmasi. Purata bilangan pesakit harian adalah seramai 7 orang.




JENIS KLINIK KESIHATAN

JENIS 7



JUMLAH ANGGOTA

8 orang



19) Klinik Kesihatan Putrajaya Presint 9



Klinik Kesihatan Putrajaya Presint 9 mula beroperasi pada 1 November 1999. Klinik Kesihatan Putrajaya Presint 9 mampu menampung pelanggan sehingga 1,000 orang sehari dan mempunyai semua jenis perkhidmatan *Primary Care* bagi kawasan berdekatan. Bilangan populasi dibawah liputan fasiliti adalah seramai 40,600 orang dengan purata bilangan pesakit harian adalah seramai 840 orang.


**JENIS KLINIK
KESIHATAN**

JENIS 2



**JUMLAH
ANGGOTA**

159 orang



20) Klinik Kesihatan Putrajaya Presint 11



Klinik ini mula beroperasi sejak 26 September 2011. Klinik Kesihatan Putrajaya Presint 11 mampu menampung pelanggan sehingga 300 orang sehari dan mempunyai semua jenis perkhidmatan *Primary Care* bagi kawasan berdekatan. Bilangan populasi dibawah liputan fasiliti adalah seramai 25,690 orang. Purata bilangan pesakit harian adalah seramai 169 orang pesakit.


JENIS KLINIK KESIHATAN

JENIS 4



JUMLAH ANGGOTA

35 orang



21) Klinik Kesihatan Putrajaya Presint 14



Klinik ini mula beroperasi sejak 26 September 2011. Klinik Kesihatan Putrajaya Presint 14 mampu menampung pelanggan sehingga 300 orang sehari dan mempunyai semua jenis perkhidmatan *Primary Care* bagi kawasan berdekatan. Bilangan populasi dibawah liputan fasiliti adalah seramai 7,093 orang dengan purata bilangan pesakit harian adalah seramai 106 orang pesakit.


JENIS KLINIK KESIHATAN

JENIS 5



JUMLAH ANGGOTA

20 orang



22) Klinik Kesihatan Putrajaya Presint 18

Klinik ini mula beroperasi sejak 2 Mac 2015. Klinik Kesihatan Putrajaya Presint 18 mampu menampung pelanggan sehingga 800 orang sehari dan mempunyai semua jenis perkhidmatan *Primary Care* bagi kawasan berdekatan. Bilangan populasi dibawah liputan fasiliti adalah seramai 50,129 orang. Purata bilangan pesakit adalah seramai 708 orang.




JENIS KLINIK KESIHATAN

JENIS 2



JUMLAH ANGGOTA

162 orang



Klinik Kesehatan Ibu dan Anak **DI BAWAH** **JKWPKL&P**



Klinik Kesihatan Ibu Dan Anak Dibawah JKWPKL&P

1) Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Cheras Makmur

Mengikut sejarah Klinik Ibu & Anak ini dimulakan oleh pihak DBKL pada tahun 2002. Pada 1 Januari 2010, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya telah mengambil alih semua perkhidmatan Kesihatan Ibu dan Anak yang dilaksanakan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Bilangan keseluruhan staf di klinik ini adalah seramai 26 orang.



2) Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Bandar Tun Razak



Mula dibuka pada Mei 1983 yang dikenali sebagai Poliklinik Kerajaan di Bandar Tun Razak dibawah pengurusan Jabatan Pesakit Luar Hospital Kuala Lumpur. Pada Januari 2002, klinik ini telah diambil alih pentadbiran oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dibawah pengurusan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Bilangan keseluruhan staf di klinik ini adalah seramai 83 orang.

3) Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Taman Sri Sentosa

Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Taman Sri Sentosa telah ditubuhkan pada tahun 2010. Klinik Kesihatan Ibu dan Anak sebelum ini di bawah pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan telah diambil alih pentadbiran oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dibawah pengurusan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Purata bilangan pesakit harian adalah seramai 41 orang pesakit setiap hari. Bilangan keseluruhan staf di klinik ini adalah seramai 11 orang.



4) Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Taman Pantai Indah



Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Taman Pantai Indah telah ditubuhkan pada tahun 2010. Klinik Kesihatan Ibu dan Anak sebelum ini di bawah pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah diambil alih pentadbiran oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dibawah pengurusan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Purata bilangan pesakit adalah seramai 154 orang pesakit. Bilangan keseluruhan staf di klinik ini adalah seramai 16 orang.

5) Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Taman Koperasi Polis Fasa 2

Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Taman Koperasi Polis merupakan klinik di bawah jagaan Klinik Kesihatan Batu Muda. Mula beroperasi pada 1 Oktober 1982 dibawah pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Beroperasi 2 kali seminggu dan hanya menjalankan Perkhidmatan Kesihatan Ibu dan Anak. Pada 1 Januari 2010, klinik ini telah diambil alih pentadbiran oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dibawah pengurusan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Klinik ini menyediakan perkhidmatan Kesihatan Ibu dan Anak serta Perkhidmatan Kesihatan Sekolah. Purata bilangan pesakit adalah seramai 66 orang pesakit. Bilangan keseluruhan staf di klinik ini adalah seramai 27 orang.



Klinik Komuniti

DI BAWAH

JKWPKL&P



1) Klinik Komuniti Intan Baiduri



